

29/03/2001

Syor susun semula Rukun Tetangga

KEMENTERIAN Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat disaran menyusun semula Rukun Tetangga, terutama yang tidak cergas, dalam usaha memupuk perpaduan rakyat pelbagai kaum.

Saranan itu dikemukakan Datuk Yap Pian Hon (BN-Serdang) ketika membahaskan usul terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Beliau berkata, semua pihak seharusnya mengambil iktibar daripada insiden pergaduhan membabitkan dua kumpulan di Jalan Klang Lama baru-baru ini sehingga menyebabkan enam nyawa terkorban dan ramai lagi cedera.

Ketika membahaskan usul yang sama, Tiong Thai King (BN-Lanang) meminta kerajaan menjadikan usaha membasmi kemiskinan sebagai matlamat utama demi menjamin kesejahteraan rakyat.

Bagaimanapun, katanya, bagi melicinkan segala rancangan kerajaan itu, rakyat pelbagai kaum perlu mengutamakan perpaduan yang menjadi kunci kejayaan pembangunan negara.

Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) pula menyambut baik cadangan kerajaan untuk menggubal Dasar Sosial Negara demi membina masyarakat sihat dan teguh dalam semua bidang supaya dapat memperkukuhkan perpaduan kaum.

"Saya meminta kerajaan memberi keutamaan kepada tujuh golongan ketika menggubal dasar ini, iaitu warga tua, golongan cacat, uzur, yatim piatu yang tidak berupaya, wanita, kanak-kanak dan golongan minoriti," katanya.

Sementara itu, Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) meminta kerajaan mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang mengancam empat perkara dalam perlembagaan, iaitu hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan Islam, bahasa kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu.

Beliau yang juga Setiausaha Agung DAP, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menjelaskan bahawa perpaduan Melayu adalah untuk mempertahankan empat agenda itu.

"Akan tetapi, rakyat tidak yakin bahawa adanya ancaman terhadap hak-hak ini yang sudah termaktub dalam Perlembagaan. Perdana Menteri harus berterus terang siapakah yang mengancam hak-hak ini dan jika benar, apakah sebabnya kerajaan gagal untuk mengambil tindakan terhadap mereka?," katanya.

Katanya, jika orang Melayu menghadapi satu masalah yang besar, ia juga adalah masalah rakyat Malaysia dan harus diberi perhatian serius.

Bagaimanapun katanya, sehingga kini Umno masih tidak dapat menyakinkan rakyat bahawa memang wujud masalah perpecahan Melayu atau hak mereka sudah diancam.

"Sebenarnya, hingga hari ini juga Umno masih tidak boleh menjawab dengan memuaskan mengapa perbincangan perpaduan Melayu tidak boleh dijadikan perbincangan perpaduan nasional seperti dicadangkan pihak pembangkang," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mah Siew Keong (BN-Teluk Intan) meminta kerajaan meliberalkan peraturan berkaitan kemasukan pelajar asing.

"Kerajaan perlu melonggarkan "keperluan masuk" untuk pelajar terutama dari China dan India. Baru-baru ini, Jabatan Imigresen mengenakan bayaran tambahan RM500 kepada kolej swasta dan pelajar asing bagi menukar pas sosial kepada visa pelajar.

"Dasar `ad-hoc' seperti ini menimbulkan perasaan tidak puas hati. Tanggapan bahawa semua pelajar dari China yang datang ke negara ini untuk bekerja sebagai GRO di pusat hiburan adalah salah dan tidak adil," katanya.

Katanya, pada masa ini 49 pelajar dari China menuntut di Universiti Islam Antarabangsa dan 5,792 lagi di institusi pengajian tinggi swasta.  
(END)